

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (MPIC)

#### **FLAG OFF EKSPEDISI B10 KE CAMERON HIGHLANDS**

**RABU, 30 MAC 2016**

---

YB. Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah menyempurnakan Majlis Pelepasan (*Flag Off*) Ekspedisi B10 Ke Cameron Highlands dari 30 hingga 31 Mac 2016 di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Bandar Baru Bangi.

2. Ekspedisi B10 ini adalah kerjasama strategik antara Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan *Malaysian Biodiesel Association* (MBA).

3. Matlamat utama ekspedisi ini adalah untuk menguji keberkesanan penggunaan B10 (adunan 10% *palm methyl ester* dengan 90% diesel petroleum) sebagai bahan bakar kenderaan diesel di Malaysia. Program ini melibatkan penyertaan 13 buah kenderaan berenjin diesel ahli-ahli MBA dan agensi-agensi Kerajaan.

4. Ekspedisi ini akan disertai oleh seramai 43 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli MBA, agensi Kerajaan dan media massa. Rombongan akan bertolak dari MPOB, Bangi pada tengah hari Rabu, 30 Mac 2016, bermalam di Cameron Highlands dan bertolak pulang pada Khamis 31 Mac 2016.

5. Buat masa ini, Kerajaan telah pun melaksanakan Program B7 (adunan 7% *palm methyl ester* dengan 93% diesel petroleum) di seluruh negara bagi sektor pengangkutan darat sejak November 2014. Program ini melibatkan penggunaan minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil – CPO*). Peningkatan program biobahan api ke Program B10 akan dapat meningkatkan penggunaan CPO di sektor pengangkutan darat.

6. Biobahan api berasaskan sawit adalah mesra alam dan menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*Greenhouse Gas Emission*). Selain itu, program biobahan api juga menyumbang kepada pengurangan penggunaan diesel fosil di mana Program B10 di sektor pengangkutan akan dapat mengurangkan import diesel fosil sebanyak 571 juta liter setahun.

7. Program biobahan api merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk meningkatkan dan mempelbagaikan penggunaan CPO dalam negara. Di samping membantu mengurangkan stok, langkah ini juga menyumbang kepada usaha-usaha memperkukuhkan harga CPO.

8. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sokongan semua pihak yang terlibat bagi menjayakan ekspedisi ini. Kejayaan ekspedisi ini akan membantu Kerajaan meyakinkan semua pihak yang terlibat mengenai kesesuaian dan kelebihan adunan B10 sebagai bahan bakar kenderaan berenjin diesel di Malaysia.

**Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi**  
**30 Mac 2016**